



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, 2021

Tenaga buruh Malaysia pulih secara beransur-ansur pada 2021 dengan kedudukan lebih baik dijangka pada 2022

PUTRAJAYA, 27 April 2022 – Tenaga buruh Malaysia pulih secara beransur-ansur pada 2021 dengan kedudukan lebih baik dijangka pada 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam siaran Statistik Tenaga Buruh Tahunan, Malaysia, 2021. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh pada tahun 2021 berdasarkan Survei Tenaga Buruh.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, "Pendekatan yang lebih bersasar telah diambil untuk menguruskan situasi kesihatan awam terutamanya pada separuh tahun kedua 2021 berbanding sekatan menyeluruh yang dilaksanakan pada tahun sebelumnya. Di samping pelbagai inisiatif oleh Kerajaan, pembukaan semula aktiviti ekonomi secara berterusan dengan waktu perniagaan yang lebih panjang serta kebenaran untuk aktiviti sosial dan perjalanan rentas negeri telah menyumbang dengan ketara dalam merangsang prestasi ekonomi Malaysia. Justeru, tenaga buruh Malaysia kembali memperoleh momentum ke arah pemulihan pada 2021 yang dicerminkan oleh kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) yang lebih tinggi pada tahun tersebut."

Mengulas lebih lanjut mengenai kedudukan tenaga buruh pada 2021, Ketua Perangkawan berkata, "Tenaga buruh Malaysia, yang terdiri daripada penduduk bekerja dan penganggur, meningkat sebanyak 0.8 peratus (+129.4 ribu orang) mencatatkan 15.8 juta orang. (2020: 15.7 juta orang). Perkembangan positif ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja dan penganggur pada tahun tersebut. Pembukaan semula lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial telah menggalakkan kumpulan yang tidak aktif untuk memasuki tenaga buruh sama ada untuk bekerja atau mencari pekerjaan. Ini ditunjukkan oleh penurunan marginal dalam bilangan luar tenaga buruh sebanyak 0.1 peratus (-4.1 ribu orang) kepada 7.2 juta orang (2020: 7.2 juta orang). Sementara itu, KPTB meningkat sebanyak 0.2 mata peratus kepada 68.6 peratus (2020: 68.4%)."

Selanjutnya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Bilangan penduduk bekerja merekodkan 15.1 juta orang pada 2021, meningkat sebanyak 0.7 peratus

(+107.4 ribu orang) berbanding tahun sebelumnya. Seterusnya, kemampuan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga yang ditunjukkan oleh nisbah guna tenaga kepada penduduk bertambah sebanyak 0.1 mata peratus tahun ke tahun mencatatkan 65.4 peratus (2020: 65.3%). Dari segi taraf pekerjaan, kategori pekerja merangkumi komposisi terbesar penduduk bekerja iaitu sebanyak 78.5 peratus pada 2021. Bilangan penduduk bekerja dalam kategori ini mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 2.3 peratus kepada 11.8 juta orang (2020: 11.6 juta orang). Manakala, kategori penduduk bekerja sendiri yang menyumbang sebanyak 14.8 peratus mencatatkan penurunan kepada 2.2 juta orang (-6.4%). Berikutan pandemik yang masih berlarutan bagi tahun kedua pada 2021, banyak perniagaan terutamanya perusahaan kecil dan mikro terjejas akibat pelbagai sekatan yang dilaksanakan di kawasan tertentu yang berisiko tinggi. Ini sebahagiannya boleh dikaitkan dengan penurunan dalam penduduk bekerja sendiri yang kebanyakannya terlibat dalam perniagaan kecil-kecilan serta usahawan tidak berdaftar dalam sektor informal.”

Komposisi utama penduduk bekerja di Malaysia adalah dalam kategori pekerjaan separuh mahir yang menyumbang lebih daripada separuh (57.7%) daripada jumlah penduduk bekerja pada tahun 2021 atau bersamaan dengan 8.7 juta orang. Dalam pada itu, penduduk bekerja dalam kategori mahir merangkumi 29.6 peratus (4.5 juta orang) manakala kategori berkemahiran rendah adalah sebanyak 12.7 peratus (1.9 juta orang). Mengikut sektor ekonomi, majoriti penduduk bekerja tertumpu dalam sektor Perkhidmatan dengan peratus sumbangan sebanyak 64.9 peratus, diikuti oleh Pembuatan (16.6%) dan Pertanian (10.3%). Sementara itu, penduduk bekerja dalam sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing mencatatkan 7.7 peratus dan 0.5 peratus.

Mengulas mengenai kedudukan guna tenaga tidak penuh, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, “Bilangan penduduk bekerja yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu disebabkan keadaan kerja atau kerana kerja yang tidak mencukupi, menurun sebanyak 25.0 peratus merekodkan 417.4 ribu orang (2020: 556.8 ribu orang). Kadar penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu menurun sebanyak 0.9 mata peratus kepada 2.8 peratus (2020: 3.7%). Oleh itu, bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan masa yang ditakrifkan sebagai mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam setiap minggu dan boleh serta sanggup untuk menerima tambahan bilangan jam bekerja menurun sebanyak 14.4 peratus atau bersamaan dengan 48.2 ribu orang kepada 285.8 ribu orang. Dalam pada itu, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa menurun sebanyak 0.3 mata peratus kepada 1.9 peratus (2020: 2.2%).

Kategori berikutnya bagi guna tenaga tidak penuh iaitu guna tenaga tidak penuh berkaitan dengan kemahiran ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai pendidikan tertiar dan bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah. Bilangan dalam kumpulan ini mencatatkan peningkatan sebanyak 6.3 peratus (+114.6 ribu orang) berbanding tahun sebelumnya merekodkan 1.9 juta orang pada

2021 (2020: 1.8 juta orang). Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran meningkat sebanyak 0.7 mata peratus kepada 38.7 peratus (2020: 38.0%).

Mengulas lebih lanjut mengenai situasi pengangguran pada tahun tersebut, Ketua Perangkawan berkata, “Kadar pengangguran pada 2021 mencatatkan sedikit peningkatan sebanyak 0.1 mata peratus kepada 4.6 peratus (2020: 4.5%). Oleh itu, bilangan penganggur meningkat sebanyak 3.1 peratus (+22.0 ribu orang) kepada 733.0 ribu orang (2020: 711.0 ribu orang). Penganggur aktif yang mendominasi 75.7 peratus daripada jumlah penganggur, bertambah sebanyak 7.9 peratus (+40.5 ribu orang) merekodkan 554.7 ribu orang (2020: 514.2 ribu orang). Lebih separuh daripada kategori ini (56.4%) menganggur kurang daripada tiga bulan.

Melihat kepada pengangguran mengikut kumpulan umur terpilih pada 2021, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun turun sebanyak 0.7 mata peratus kepada 11.3 peratus (2020: 12.0%), merekodkan 329.1 ribu penganggur belia (2020: 314.0 ribu orang). Sebaliknya, kadar pengangguran dewasa yang berumur 25 hingga 64 tahun meningkat 0.1 mata peratus kepada 3.1 peratus (2020: 3.0%). Selaras dengan itu, bilangan penganggur dewasa meningkat sebanyak 2.9 peratus kepada 408.4 ribu orang (2020: 397.0 ribu orang). Melihat kepada kadar pengangguran mengikut negeri pada 2021, tiga negeri mencatatkan kadar pengangguran yang lebih tinggi daripada paras nasional iaitu Sabah (8.2%), W.P Labuan (7.4%) dan Perak (5.3%). Sementara itu, W.P. Putrajaya (1.6%), Melaka (2.0%) dan Pahang (3.3%), antara negeri yang mencatatkan kadar pengangguran terendah pada 2021.


Bagi kumpulan tidak aktif, lebih separuh daripada bilangan di luar tenaga buruh didominasi oleh perempuan dengan komposisi sebanyak 68.6 peratus. Sebab utama tidak mencari pekerjaan dalam kumpulan ini adalah disebabkan oleh kerja rumah/ tanggungjawab keluarga (45.2%) dan diikuti bersekolah/ latihan (41.1%).”

Mengulas kedudukan tenaga buruh secara keseluruhan, Ketua Perangkawan berkata, “Pasaran buruh negara sedang menuju ke arah pemulihan dengan peningkatan yang berterusan sejak Januari 2022. Situasi ini disebabkan oleh pelonggaran sekatan sosioekonomi berikutan negara telah beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara. Fasa peralihan ke endemik yang berkuat kuasa mulai 1 April 2022 telah membuka lebih banyak peluang di mana peniagaan dibenarkan beroperasi seperti mana pada waktu pra-pandemik manakala sempadan antarabangsa kembali dibuka. Bertepatan dengan persediaan menyambut bulan Ramadan dan perayaan Aidilfitri dijangka akan mendorong lebih banyak permintaan terhadap barang dan perkhidmatan. Perkembangan positif ini akan dapat menyumbang kepada pengambilan lebih ramai pekerja, pewujudan jawatan baharu dan seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Justeru, pasaran buruh Malaysia dijangka dapat mempercepatkan momentum pemulihannya dalam masa terdekat berikutan prestasi ekonomi dilihat terus bertambah baik.”


Data siri masa serta maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperoleh melalui dashboard *Malaysia Labour Market Interactive Data* (MyLMID). Sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> untuk maklumat lanjut.

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada kami serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


Carta 1: Tenaga buruh dan KPTB, 1982 – 2021



Carta 2: Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, Malaysia, 1982-2021



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 27 April 2022



Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

27 APRIL 2022



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

STATISTICS OF LABOUR FORCE, MALAYSIA, 2021

Malaysia's labour force indicated gradual recovery in 2021 with better situation anticipated in 2022

PUTRAJAYA, 27 April 2022 – Malaysia's labour force indicated gradual recovery in 2021 with better situation anticipated in 2022, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release of the Annual Statistics of Labour Force, Malaysia, 2021. The statistics described the labour supply situation in the year 2021 based on the Labour Force Survey.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, "A more targeted approach was undertaken to manage the public health situation especially in the second half of 2021 as compared to a blanket restriction exercised in the preceding year. On top of various initiatives by the Government, the continuous resumption of economic activities with longer business hours coupled with permission for social activities and inter-state travel had significantly contributed in stimulating Malaysia's economic performance. Thus, Malaysia's labour force regained momentum towards recovery in 2021 reflected by a higher labour force participation rate (LFPR) during the year."

Elaborating further on the labour force situation in 2021, the Chief Statistician said, "Malaysia's labour force, which consist of employed and unemployed persons, edged up by 0.8 per cent (+129.4 thousand persons) to register 15.8 million persons (2020: 15.7 million persons). The positive growth was due to the increase in the number of employed persons and unemployed persons during the year. The reopening of more economic and social activities has encouraged the inactivity groups to shift into the labour force either to be employed or in search for jobs. This was indicated by a marginal decrease in the number of outside labour force by 0.1 per cent (-4.1 thousand persons) to 7.2 million persons (2020: 7.2 million persons). Therefore, the LFPR went up by 0.2 percentage points to 68.6 per cent (2020: 68.4%)."

Adding to this, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Employed persons recorded a total of 15.1 million persons in 2021, rose by 0.7 per cent (+107.4 thousand persons) as compared to the previous year. Subsequently, the ability of an economy to create employment which was indicated by the employment-to-population ratio improved by 0.1 percentage point year-on-year registering 65.4 per cent (2020: 65.3%). In terms of

status in employment, employee's category made up the largest share of employed persons at 78.5 per cent in 2021. The number on employed persons in this category recorded a year-on-year increase of 2.3 per cent to 11.8 million persons (2020: 11.6 million persons). Meanwhile, own-account workers category which comprised a share of 14.8 per cent declined to 2.2 million persons (-6.4%). As the pandemic prolonged for the second year in 2021, many businesses especially small and micro enterprises were impacted due to multiple restrictions implemented in selected high-risk areas. This could be partly associated with the decline of own account workers who were mostly involved in small-scale businesses as well as unregistered entrepreneurs in the informal sector."

Major composition of employed persons in Malaysia was in semi-skilled occupation category which accounted for more than half (57.7%) of the total employed persons in 2021 or equivalent to 8.7 million persons. In the meantime, employed persons in skilled category comprised of 29.6 per cent (4.5 million persons) while low-skilled category was 12.7 per cent (1.9 million persons). By economic sector, majority of the employed persons were concentrated in Services sector with a share of 64.9 per cent, followed by Manufacturing (16.6%) and Agriculture (10.3%). Meanwhile, employed persons in Construction and Mining & quarrying sectors encompassed 7.7 per cent and 0.5 per cent respectively.

Discussing the underemployment situation, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Employed persons working less than 30 hours per week because of the nature of their work or due to insufficient work, decreased by 25.0 per cent to record 417.4 thousand persons (2020: 556.8 thousand persons). The rate of employed persons working less than 30 hours per week declined by 0.9 percentage points to 2.8 per cent (2020: 3.7%). Consequently, the number of time-related underemployed persons which is defined as those who were employed less than 30 hours per week and were able and willing to work additional hours of work declined by 14.4 per cent or equivalent to 48.2 thousand persons to 285.8 thousand persons. In the meantime, the rate of time-related underemployment reduced by 0.3 percentage points to record 1.9 per cent (2020: 2.2%).

Another type of underemployment namely skill-related underemployment is defined as those with tertiary education employed in semi and low-skilled occupations. The number in this group posted an increase of 6.3 per cent (+114.6 thousand persons) as compared to the previous year to record 1.9 million persons in 2021 (2020: 1.8 million persons). The rate of skill-related underemployment went up by 0.7 percentage points to register 38.7 per cent (2020: 38.0%).

Elaborating further on the unemployment situation during the year, the Chief Statistician said, "The unemployment rate in 2021 recorded a slight increase of 0.1 percentage point to 4.6 per cent (2020: 4.5%). Accordingly, the number of unemployed persons increased by 3.1 per cent (+22.0 thousand persons) to 733.0 thousand persons (2020: 711.0 thousand persons). The actively unemployed

which dominated 75.7 per cent of the total unemployed persons, augmented by 7.9 per cent (+40.5 thousand persons) to record 554.7 thousand persons (2020: 514.2 thousand persons). More than half in this category (56.4%) were unemployed for less than three months.

Looking at the unemployment by selected age group in 2021, the unemployment rate for youth aged 15 to 24 years decreased by 0.7 percentage points to 11.3 per cent (2020: 12.0%), recording 329.1 thousand youth unemployed (2020: 314.0 thousand persons). On the contrary, the unemployment rate for adult aged 25 to 64 years edged up by 0.1 percentage point to 3.1 per cent (2020: 3.0%). In line with this, the number of adult unemployed rose by 2.9 per cent to 408.4 thousand persons (2020: 397.0 thousand persons). Observing the unemployment rate by state in 2021, three states registered higher unemployment rate than national level namely Sabah (8.2%), W.P Labuan (7.4%), and Perak (5.3%). In the meantime, W.P. Putrajaya (1.6%), Melaka (2.0%) and Pahang (3.3%), posted among the lowest unemployment rate in 2021.

As for the inactivity group, more than half of the outside labour force was dominated by female with a composition of 68.6 per cent. The main reasons of not seeking jobs among this group was due to housework/ family responsibility (45.2%) and followed by schooling/ training (41.1%).”

Concluding the overall labour force situation, the Chief Statistician said, “The national labour market had been on the road to recovery with continuous improvement since January 2022. This could be attributed to ease of socioeconomic restrictions following the shift of the whole country to the fourth phase of the National Recovery Plan. The transition to endemic phase effective from 1 April 2022 has opened up more opportunities since businesses are allowed to operate at pre-pandemic hours while international borders are reopened once again. The news which coincides with the fasting month of Ramadan and the subsequent Eid festival is anticipated to influence more demand for goods and services. These positive developments may contribute towards hiring of more employees, creation of new jobs and consequently provide the impetus for economic growth. Therefore, Malaysia’s labour market is foreseen to speed up the recovery momentum in the near future as economy continue to improve.”

Time series data and more information on the labour market can be obtained through the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) dashboard. Please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> for more information.

The Department of Statistics Malaysia is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with us and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

Chart 1: Labour force and LFPR, 1982 – 2021




Chart 2: Employed persons and employment-to-population ratio, Malaysia, 1982-2021





Chart 3: Unemployed persons and unemployment rate, Malaysia, 1982-2021



Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

27 APRIL 2022